

MEMORANDUM



MEMORANDUM UNTUK MENINGKATKAN KEDUDUKAN KAUM WANITA DI MALAYSIA, KHUSUSNYA, KAUM WANITA ETNIK INDIA.

A project co-funded by the European Union



Untuk Petimbangan:

**Yang Berhormat Dato' Seri Sharizat Abdul Jalil
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat**



Memorandum Untuk Meningkatkan Kedudukan Kaum Wanita di Malaysia, khususnya, Kaum Wanita Etnik India.

1. Pengenalan

Pilihanraya ke 11 di Malaysia berlangsung pada 21 Mac 2004. Abdullah Ahmad Badawi telah diberikan mandat yang kukuh oleh rakyat walaupun ini merupakan pilihanraya beliau yang pertama sebagai Perdana Menteri.

Parti Pemerintah memenangi 198 dari kerusi Parlimen dan 452 dari 505 kerusi ADUN. Parti Pembangkang, yang menunjukkan prestasi yang agak baik pada pilihanraya lalu (1999) kalah dengan teruk dan hanya berupaya memenangi 20 kerusi Parlimen.

Namun begitu, pilihanraya ini tidak mengemukakan sebarang isu yang substansif. Isu yang paling banyak diutarakan semasa kempen ialah “peranan agama Islam dalam kerajaan, rasuah, penswastaan, mempertingkatkan kedudukan pengundi Melayu melalui perusahawan kecil dan sederhana dan tekanan terhadap sektor pertanian.



Isu-isu kecil yang dibangkitkan semasa berkempen termasuk masalah trafik, kos kehidupan yang tinggi dan masalah bayaran tol dan sebagainya. Seperti yang dijangka, isu wanita dan kanak-kanak tidak diberi fokus atau perhatian yang sewajarnya.

Amat mengecewakan kerana apabila diteliti dengan lebih mendalam, manifesto Parti Pemerintah juga Pembangkang pada pilihanraya yang lalu (2004), menunjukkan dengan jelas bahawa, tidak ada tekanan langsung terhadap persoalan wanita.

Contohnya, BN hanya menyebut tentang isu wanita dalam empat (4) perkara:

- BN mengaku bahawa semua golongan, termasuk belia, wanita dan masyarakat luar bandar sebagai aset nasional. Semua mesti terlibat dalam pembangunan negara.
- BN menjemput semua golongan mengambil bahagian dalam pembangunan negara. Belia, wanita dan masyarakat luar bandar, terutamanya, merupakan sebahagian besar dari bilangan penduduk. Mereka harus diberi peluang untuk mengambil bahagian dan menyumbang (kepada pembangunan negara).
- Memperbaiki keadaan tempat kerja untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi.



BA hanya menyentuh perkara wanita sebanyak tiga (3) kali dalam manifestonya:

- Mempertingkatkan hak wanita dengan peruntukan 30 peratus dalam jawatan pembuat dasar.
- Membanteras gejala sosial seperti deraan ke atas wanita dan kanak-kanak.
- Menguatkuasakan bantuan nafkah bagi anak-anak ibu tunggal.

Dalam manifestonya kali ini, DAP pula tidak mempunyai fokus yang jelas mengenai peranan wanita.

2. Latar-belakang Perjuangan Hak Wanita

Kumpulan (NGO) wanita telah bertahun-tahun melobi untuk mempertingkatkan kedudukan wanita.

Inisiatif yang paling ketara ialah pada tahun 1998, di mana terbentuknya, 'Women's Agenda for Change' (WAC). Dalam agenda ini tekanannya adalah terhadap penglibatan dan representasi kaum wanita dalam peringkat kedudukan membuat keputusan (decision-making position).

Namun, usaha-usaha seperti ini masih belum menghasilkan apa jua suasana yang mantap untuk kaum wanita. Ini lebih ketara di kalangan masyarakat minoriti di negara ini seperti kaum etnik wanita India.



Ini disebabkan kaum India terletak pada tahap sosio-ekonomi terendah dengan hanya memiliki 1.5 peratus dari kekayaan negara, berbanding dengan 19.4 peratus bagi kaum Melayu dan 38.5 peratus bagi kaum Cina. Lima belas (15) peratus dari kaum India di ibu kota tinggal di kawasan setinggan.

Oleh kerana sebahagian besar golongan ini merupakan buruh kasar dengan purata pendapatan bulanan yang tidak jauh berbeza dengan kadar gaji minima rumahtangga yang dikelaskan sebagai golongan termiskin.

Akibat kemiskinan dan penyingkiran yang dihadapi oleh masyarakat ini, masalah sosial dan ketegangan intra komuniti telah mula menular dikalangan mereka. Kadar jenayah serta keganasan rumahtangga dan keganasan terdapat wanita semakin berleluasa di kalangan masyarakat India. Di samping itu, kadar pembunuhan diri juga adalah tertinggi di kalangan kaum ini.

Dalam satu kajian keganasan rumahtangga yang di kendalikan oleh persatuan wanita, didapati bagi setiap 10 keluarga, 4 keluarga mengalami keganasan rumah tangga. Peruntukan Akta keganasan rumah tangga sedia ada, tetapi masyarakat umum tidak diberi informasi yang secukupnya mengenai peruntukan perlindungan. Sikap dan sokongan dari pegawai polis, pegawai perubatan dan pegawai Jabatan Kebajikan juga tidak mengalakkan wanita membuat laporan.

Segolongan besar wanita kaum India yang terlibat dalam keganasan rumahtangga dan yang telah berkahwin mengikut adat di dapati tidak



mendaftar perkahwinan mereka. Masyarakat kaum bukan Islam perlu mendaftarkan perkahwinan mereka seperti yang di peruntukkan selepas pengubalan pada undang undang kelaurga di buat pada tahun 1982. Akta ini memerlukan perkahwinan bukan Islam didaftarkan untuk disahkan di sisi undang-undang.

Sebagai satu golongan etnik minoriti di negara ini dan dalam hieraki kedudukan masyarakat di Malaysia, wanita kaum India merupakan golongan yang terendah dalam status sosio-ekonomi mereka.

Golongan ini memerlukan perhatian dan pengupayaan diri melalui proses perundangan dan peningkatan sosial.

Dari segi perundangan , kami berpendapat bahawa hanya dengan meneliti semula, mengubah dan mempertingkatkan kegunaan undang-undang berkenaan keganasan terhadap wanita, kedudukan wanita dalam masyarakat juga akan bertambah adil dan saksama.



Tuntutan Kami

Dengan yang demikian, Mesyuarat Rundingan Pakar dan Bengkel Penilaian Projek yang bersidang pada 22 dan 23 April 2003 telah mengkaji dan membuat cadangan supaya syor-syor berikut diterima sebagai tuntutan dalam usaha menegakkan dan memelihara keadilan dan kesaksaman hak wanita khususnya Kaum Wanita Etnik India:

- Kerajaan menegakkan penggunaan Akta Memperbaharui Undang-Undang Perkahwinan dan Penceraian (1976)
- Kerajaan menegakkan penggunaan Akta Keganasan Rumah Tangga (1994)
- Perlaksanaan semua undang-undang berkenaan dengan keganasan terhadap wanita termasuk Akta Kanun Keseksaan- [undang-undang berkaitan dengan rogol] dan Bil Gangguan Seksual, di tempat kerja.
- Prosedur-prosedur berkenaan keganasan terhadap wanita diteliti semula dan diubahsuai dengan sewajarnya supaya mangsa keganasan menerima perlindungan dan sokongan yang sensitif gender dari pihak berkuasa.
- Peningkatan dalam program-program pendidikan sensitif jantina (gender sensitisation programs).



Dengan memorandum ini, diharapkan setiap perjanjian yang dibuat semasa pilihanraya dan dalam manifesto parti-parti yang tertentu akan direalisasikan.



This publication has been produced with the assistance of the European Union. The contents of this publication is the sole responsibility of Friedrich Naumann Foundation and ERA Consumer Malaysia and can in no way be taken to reflect the views of the European Union.

